

Bil. S 18

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA PIHAK BERKUASA SUNGAI LIANG (PEMANSUHAN), 2014

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa.
2. Pemansuhan Penggal 200.
3. Pemindahan harta dll. kepada Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei.

**JADUAL – PEMINDAHAN HARTA DLL. KEPADA LEMBAGA KEMAJUAN EKONOMI
BRUNEI**

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA PIHAK BERKUASA SUNGAI LIANG (PEMANSUHAN), 2014

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Pihak Berkuasa Sungai Liang (Pemansuhan), 2014 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 29hb Disember 2012.

Pemansuhan Penggal 200.

2. Akta Pihak Berkuasa Sungai Liang adalah dimansuhkan.

Pemindahan harta dll. kepada Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei.

3. Peruntukan-peruntukan Jadual hendaklah berkuat kuasa bagi maksud pemindahan harta kepada Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei dan bagi maksud-maksud peralihan lain yang dinyatakan dalam Jadual itu.

JADUAL
(bab 3)

PEMINDAHAN HARTA DLL. KEPADA LEMBAGA KEMAJUAN EKONOMI BRUNEI

Tafsiran.

1. Dalam Jadual ini —

“Pihak Berkuasa” bermakna Pihak Berkuasa Sungai Liang yang ditubuhkan oleh bab 3(1) dari Akta Pihak Berkuasa Sungai Liang (Penggal 200) yang dimansuhkan;

“Lembaga” bermakna Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei yang ditubuhkan oleh bab 3 dari Akta Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (Penggal 104).

Pembubaran Pihak Berkuasa.

2. Pada 29hb Disember 2012, Pihak Berkuasa hendaklah dibubarkan.

Pemindahan harta, aset dll. dan liabiliti kepada Lembaga.

3. (1) Pada 29hb Disember 2012, semua harta yang terletak hak pada Pihak Berkuasa dan semua aset, hak, kepentingan, keistimewaan, liabiliti dan obligasi Pihak Berkuasa hendaklah dipindahkan kepada dan terletak hak pada Lembaga tanpa jaminan lanjut.

(2) Jika apa-apa persoalan timbul tentang sama ada mana-mana harta, aset, hak, kepentingan, keistimewaan, liabiliti atau obligasi tertentu telah dipindahkan kepada atau terletak hak pada Lembaga di bawah perenggan kecil (1), suatu perakuan yang ditandatangani oleh Menteri adalah keterangan muktamad bahawa harta, aset, hak, kepentingan, keistimewaan, liabiliti atau obligasi itu telah atau tidak dipindahkan atau terletak hak demikian.

Pemindahan pekerja.

4. (1) Pada 29hb Disember 2012, semua orang yang diambil bekerja sejurus sebelum tarikh itu oleh Pihak Berkuasa hendaklah dipindahkan ke perkhidmatan Lembaga atas terma-terma yang tidak kurang baiknya dari terma-terma yang dinikmati oleh mereka sejurus sebelum pemindahan mereka.

(2) Sehingga masa apabila skim dan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan disediakan oleh Lembaga, skim dan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan dalam Pihak Berkuasa hendaklah terus dikenakan kepada tiap-tiap orang yang dipindahkan ke perkhidmatan Lembaga di bawah perenggan kecil (1) seolah-olah dia masih dalam perkhidmatan Pihak Berkuasa.

Kontrak, perjanjian dll. sedia ada.

5. Semua kontrak, surat ikatan, bon, perjanjian, instrumen dan penyusunan kerja, yang ada sejurus sebelum 29hb Disember 2012 —

(a) yang menyentuh mana-mana harta, aset, hak, kepentingan, keistimewaan, liabiliti atau obligasi yang dipindahkan kepada atau terletak hak pada Lembaga di bawah perenggan 3(1); atau

(b) yang menyentuh mana-mana orang yang dipindahkan ke perkhidmatan Lembaga di bawah perenggan 4(1),

hendaklah terus berkuat kuasa pada dan selepas tarikh itu dan boleh dikuatkuasakan oleh atau terhadap Lembaga seolah-olah, sebagai ganti Pihak Berkuasa atau seseorang yang bertindak bagi pihak Pihak Berkuasa, Lembaga telah dinamakan di dalamnya atau menjadi suatu pihak kepadanya.

Prosiding belum selesai.

6. Mana-mana prosiding atau alasan tindakan yang belum selesai atau wujud sejurus sebelum 29hb Disember 2012 oleh atau terhadap Pihak Berkuasa atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Pihak Berkuasa boleh diteruskan dan hendaklah dikuatkuasakan oleh atau terhadap Lembaga.

Penerusan dan penyelesaian prosiding tatatertib.

7. (1) Jika pada 29hb Disember 2012 apa-apa prosiding tatatertib belum selesai terhadap mana-mana orang Pihak Berkuasa yang dipindahkan ke perkhidmatan Lembaga di bawah perenggan 4, prosiding itu hendaklah dijalankan dan diselesaikan oleh Lembaga.

(2) Jika pada 29hb Disember 2012 apa-apa perkara dalam masa perkara itu didengar atau disiasat atau telah didengar atau disiasat oleh Kerajaan atau suatu jawatankuasa yang bertindak di bawah autoriti yang sewajarnya tetapi tiada perintah, keputusan atau arahan dibuat mengenainya, Kerajaan atau jawatankuasa itu hendaklah menyelesaikan pendengaran atau penyiasatan tersebut dan hendaklah membuat perintah, keputusan atau arahan sebagaimana yang boleh dibuatnya di bawah autoriti yang terletak hak padanya sebelum tarikh itu.

(3) Apa-apa perintah, keputusan atau arahan yang dibuat oleh Kerajaan atau jawatankuasa itu di bawah perenggan ini hendaklah disifatkan sebagai suatu perintah, keputusan atau arahan Lembaga dan mempunyai kuat kuasa atau kesan yang sama seolah-olah ia telah dibuat oleh Lembaga menurut autoriti yang terletak hak pada Lembaga di bawah Akta Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (Penggali 104).

Pekerja salah laku atau mengabaikan kewajipan sebelum pemindahan.

8. Lembaga boleh memberi amaran keras, menurunkan pangkat, membersarakan, memecat atau menghukum dengan sesuatu cara lain seseorang yang dipindahkan ke perkhidmatan Lembaga di bawah perenggan 4 kerana sebarang salah laku atau pengabaian kewajipan yang dilakukan sebelum 29hb Disember 2012 yang akan menyebabkannya boleh diberi amaran keras, diturunkan pangkat, dibersarakan, dipecat atau dihukum dengan sesuatu cara lain oleh Pihak Berkuasa seolah-olah Perintah ini belum dibuat.

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1435 bersamaan dengan 28 haribulan April, 2014 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM